



كوفراسي پوليس دراج مليسيا برحد

KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD

No. 1, Jalan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

(Co. No: 74/1925)

Tel: 03-2260 8999, 2260 8888 Fax: 03-2274 9782

Internet : www.kpd.com.my E-mail : info@kpd.com.my

Bilangan :

Tarikh :

KP/18

29 hb. Mac 2021

“BERJIMAT SAMBIL BERKHIDMAT”

Pengerusi / Setiausaha

Ahli Jawatankuasa Kecil Daerah

KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD

Tuan / Puan,

**PEKELILING BERHUBUNG PROMOSI PEMBIAYAAN KONSUMER
OLEH KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD**

1. LATARBELAKANG

1.1 Berikutan permintaan yang baik daripada anggota, KPDRM telah membuat semakan dan penambahbaikan ke atas **Pembiayaan Konsumer** yang ditawarkan kepada para anggota.

1.2 Pembiayaan ini adalah bagi membantu anggota mendapatkan produk-produk serta barangan pengguna menerusi pembiayaan konsumer yang setanding dengan pembiayaan-pembiayaan yang ditawarkan di pasaran.

2. TUJUAN

2.1 Mesyuarat Anggota Lembaga yang bersidang pada 26/03/2021 telah mengambil ketetapan bagi melaksanakan penambahbaikan dengan melaksanakan kelonggaran tertentu ke atas aturan Pembiayaan Konsumer (Aturan 1.10).

2.2 Pelaksanaan sebagaimana perenggan (2.1) ini adalah bersifat sementara sahaja untuk sepanjang tempoh promosi dilaksanakan.

3. PENAMBAHBAIKAN PEMBIAYAAN KONSUMER SEPANJANG PROMOSI

3.1 Penambahbaikan dan kelonggaran aturan di bawah 1.10 Pembiayaan Konsumer yang dimaksudkan adalah sebagaimana jadual yang berikut:-

<i>BIL</i>	<i>PERKARA</i>	<i>ATURAN SEMASA</i>	<i>PENAMBAHBAIKAN</i>
1.	Tempoh Bayaran – Perkara 6 (1)	Bayaran pembiayaan sehingga RM7,000.00 tempoh bayaran balik yang dibenarkan samada 12, 24 atau 36 bulan dan tertakluk kepada tempoh tamat perkhidmatan anggota yang mana tamat dahulu.	Bayaran pembiayaan sehingga RM7,000.00 tempoh bayaran balik yang dibenarkan samada 12, 24, 36, 48 atau 60 bulan dan tertakluk kepada tempoh tamat perkhidmatan anggota yang mana tamat dahulu.
2.	Tempoh Bayaran – Perkara 6 (2)	Pembiayaan melebihi RM7,000.00 hingga RM10,000.00, tempoh bayaran balik yang dibenarkan sama ada 12, 24, 36, 48 dan 60 bulan tertakluk kepada tempoh tamat perkhidmatan anggota yang mana tamat dahulu.	Pembiayaan melebihi RM7,000.00 hingga RM10,000.00, tempoh bayaran balik yang dibenarkan sama ada 12, 24, 36, 48, 60, 72 dan 84 bulan tertakluk kepada tempoh tamat perkhidmatan anggota yang mana tamat dahulu.
3.	Tempoh Bayaran – Perkara 6 (3)	Pembiayaan melebihi RM10,000.00 tempoh bayaran balik yang dibenarkan sama ada 12, 24, 36, 48, 60, 72, 84, 96, 108 atau 120 bulan tertakluk kepada tempoh tamat perkhidmatan anggota yang mana tamat dahulu.	Dikekalkan

3.2 Manakala lain-lain syarat serta aturan Pembiayaan Konsumer selain daripada yang dinyatakan di atas adalah tanpa penambahbaikan.

4. TARIKH KUATKUASA

4.1 Pelaksanaan ketetapan di para (3) di atas adalah berkuatkuasa sepanjang tempoh promosi ini yang bermula dari **01hb April 2021 sehingga 31hb Mei 2021**.

4.2 Tempoh promosi sebagaimana di para 4.1 yang di atas adalah boleh dilanjutkan tertakluk kepada kelulusan Mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi yang bersidang dari masa ke semasa serta tertakluk kepada kedudukan kewangan semasa KPDRM.

5. PENUTUP

Sehubungan dengan itu, besarlah harapan kami agar Tuan / Puan dapat memanjangkan perkara ini kepada anggota KPDRM di daerah masing-masing untuk memanfaatkan kemudahan yang telah disediakan.

Sekian, terima kasih.

“Sejahtera Bersama Koperasi PDRM”

Yang Benar



**DATO' HJ. ROSLI BIN DIN
SETIAUSAHA**